

KEWUJUDAN KOTA RAJA MELEWAR BERDASARKAN SUMBER BERTULIS DAN DATA LAPANGAN

*(THE EXISTANCE OF RAJA MELEWAR FORT BASED ON WRITTEN
SOURCES AND FIELDWORK DATA)*

Mohd Fauzan Zuraidi, Zuliskandar Ramli & Shamsuddin Ahmad

Abstrak

Kota Raja Melewar merupakan kota yang membabitkan institusi beraja diterajui oleh Raja Mahmud yang berasal dari Pagaruyung, di mana lokasinya terletak di dalam Daerah Rembau. Penyelidikan ini dilakukan untuk mengenal pasti kedudukan sebenar tapak istana lama ini, sekali gus dapat merungkai kawasan sebenar berkaitan tapak lama ini yang sehingga ke hari ini masih tidak dapat diketahui dengan jelas keberadaannya. Melalui jumpaan kawasan ini, akan lebih banyak catatan sejarah atau penemuan yang mungkin dapat membawa kepada maklumat atau informasi baru berkenaan Raja Melewar sewaktu berada di Rembau ketika dahulu, iaitu pada abad ke-17-18. Kewujudan kota ini mungkin boleh diterjemahkan melalui beberapa aspek yang meliputi suasana pemerintahan beraja di sekitar Rembau mahupun seluruh Negeri Sembilan pada masa itu, sebelum adanya Istana Seri Menanti. Di samping itu, gambaran sesebuah kota dapat diketahui dan dikenal pasti dengan menilai dan melihat kandungan yang wujud di dalam struktur kawasan itu sendiri seperti mana ciri-ciri yang terdapat pada sesebuah kota atau istana yang lainnya pada ketika dahulu. Kota Raja Melewar merupakan sebuah simbol pemerintahan seiring dengan catatan sejarah yang menyatakan bahawa Rembau merupakan kawasan pemerintahan pertama Raja Melewar sebelum beliau berpindah ke Seri Menanti setelah ditabah menjadi raja yang pertama memerintah Negeri Sembilan.

Kata kunci: Kota dan Istana, Raja Melewar, Kawasan Pemerintahan, Daerah Rembau

Abstract

The fort of the Melewar is a town of the royal institutions led by King Mahmud derived from Pagarruyung, where it is located in the district of Rembau. This research was conducted to identify the exact location of the site of the old castle, as well as uncovering the exact site of the old site which is until to this day remains unknown whereabouts. Through the discovery of this area, it will be more historical records or findings that may lead to statistics or new information regarding Raja Melewar during his previous visit to Rembau long ago, in the 17-18 century. The existence of this fortress may be interpreted through several aspects, which encompassed the monarchical atmosphere around Rembau or throughout the whole state of Negeri Sembilan all of that time, and before the existence of the Seri Menanti Palace. In addition, the description of a fortress can be discovered and identified by evaluating and viewing the content that exists within the structure of the area itself as well as the characteristics available of a fortress or other castle in the past. The fort of the Melewar is a symbol of government in line with the historical record which states

that Rembau is the first monarch of Raja Melewar before he moved to Seri Menanti, after being crowned the first king to rule the state of Negeri Sembilan.

Keywords: Fort and Castle, King Melewar, Government Area, Rembau District

PENGENALAN

Perkataan ‘kota’ dalam bahasa Melayu mengandungi beberapa erti dan pengertian, ini bergantung kepada maksud ayat dan cara perkataan itu digunakan. Kota boleh memberi erti bandar, iaitu bandar besar yang bertaraf ‘city’ atau bandaraya. Perkataan kota juga dihubung kait dengan masyarakat bandar, masyarakat yang tinggal di bandar sering disebut masyarakat kota atau luar bandar. Bandar-bandar yang menjadi ibu negeri dan pusat pentadbiran sebuah negara biasanya digelar kota, misalannya Bandaraya Kuala Lumpur yang menjadi pusat pentadbiran bagi negara Malaysia ini, sering kali disebut sebagai ibu kota. Dalam Kamus Dewan, perkataan ‘kota’ bermaksud ‘teguh janji’, atau tidak dimungkirkkan, seperti contoh ayat berikut: *segala janji mestilah dikotakan*, manusia yang tidak memperkotakan janjinya adalah manusia yang hanya mementingkan diri sendiri tanpa menghiraukan orang lain. Perkataan ‘kota’ juga boleh memberi erti ‘terikut-ikut’ atau ‘berlagak’ misalnya, ramai orang kampung yang berhijrah ke bandar akan berlagak seperti orang kota apabila pulang ke kampung.

Perkataan ‘kota’ juga bermaksud ‘kubu’ atau benteng pertahanan dan pusat pentadbiran raja Melayu pada zaman kegemilangan pemerintahan tradisi kerajaan Melayu. Jika ditinjau dari segi fungsinya, kota dan kubu mempunyai peranan yang berbeza. Biasanya dalam semua naskhah teks Melayu lama, perkataan kota sering dikaitkan dengan istana raja-raja Melayu (W. G. Shellabear 1995), kerana apabila seseorang raja Melayu membuka sebuah negeri yang baru, raja tersebut akan mengarahkan rakyatnya mendirikan istana yang berkota. Ini bermakna, kompleks istana raja yang lengkap dengan balai penghadapan, balai besar, balairung seri dan bangunan-bangunan yang lain kepunyaan raja mestilah terletak di dalam sebuah kawasan yang berpagar. Lazimnya pagar tersebut diperbuat daripada bahan yang berasaskan kayu, buluh, dan tanah, kadang kala terdapat juga yang terdiri daripada tembok batu atau bahan binaan yang lain dan kawasan kompleks istana yang berpagar di sekelilingnya inilah disebut ‘Istana Berkota’ (Abdul Halim Nasir 1990).

Raja-raja Melayu menggunakan kota sebagai pusat pertahanan, pusat pentadbiran dan pemerintahan di samping sebagai tempat tinggal atau tempat untuk bersemayam raja-raja yang memerintah berserta keturunannya (Abdul Halim Nasir 1990). Oleh kerana fungsi inilah, sesebuah kota kepunyaan raja yang memerintah mestilah dilengkapi dengan pelbagai kemudahan. Sebagai pusat pertahanan, kota mestilah berparit di sekitarnya dan di pasang ranjau sebagai penghalang kepada serangan musuh, sementara benteng kota mestilah diperlengkap dengan pengawal yang lengkap bersenjata (Abdul Halim Nasir 1990). Sebagai pusat pemerintahan, di dalam kota dilengkapi dengan bangunan-bangunan yang digunakan sebagai tempat berkumpul, tempat rakyat datang menghadap, tempat perbicaraan, bangunan-bangunan untuk beramal ibadat, tempat simpanan senjata dan juga simpanan makanan serta berbagai lagi (Haji A Mubin Sheppard 1961).

Oleh kerana raja yang memerintah tinggal di dalam kota, bangunan yang menempatkan tempat tinggal raja atau istana didirikan juga di dalam kota. Istana raja biasanya berjumlah lebih daripada satu, jumlah ini berdasarkan kepada kedudukan kuasa seseorang raja dan martabatnya. Namun begitu, pemilikan kota ini bukan sahaja tertumpu kepada raja sahaja akan tetapi terdapat juga pembesar Melayu pada zaman dahulu yang mempunyai kota juga, misalnya, Ngah Ibrahim dan Long Jaafar. Mereka ini merupakan pembesar Melayu yang diberi kuasa memerintah sebuah daerah di Perak dan menjadikan kota tersebut sebagai pusat pertahanan, pusat pentadbiran dan juga tempat tinggal keluarga. Fungsi kota ini, sama juga dengan kota-kota kepunyaan raja-raja Melayu yang lain (Raiha Mohd Saud 1981).

LATAR BELAKANG

Beberapa sejarawan berpendapat bahawa nama Negeri Sembilan mulai digunakan pada tahun 1773 iaitu setelah Raja Melewar dari Pagarruyung dirajakan di Negeri Sembilan (Buyong Adil 1981). Dari bukti-bukti sejarah, menunjukkan Negeri Sembilan telah mula dibuka dalam kurun yang ke-14 M, dari batu bersurat yang dijumpai di Sungai Udang, Linggi, Port Dickson, seorang yang bernama Sheikh Ahmad telah meninggal dunia pada tahun 1467. Berdasarkan batu nisan perkuburannya, jelas menunjukkan beliau meninggal dunia ketika Sultan Mansor Shah memerintah di Melaka semasa Kerajaan Melayu Melaka sedang meningkat kemashyurannya (Abdul Samad Idris 1968).

Raja Melewar ialah seorang putera raja Pagarruyung Minangkabau Sumatera Barat yang telah dijemput oleh Dato-Dato penghulu undang dan pembesar-pembesar Negeri Sembilan untuk menerajui dan memerintah Negeri Sembilan yang ketika itu telah memutus tali ke Johor. Satu angkatan diketuai bersama oleh Panglima Bandan dan Panglima Bandut diutus untuk berunding dengan Sultan Munim Syah III. Raja Melewar merupakan Raja pertama yang memerintah Negeri Sembilan (Abdullah Zakaria Ghazali 1992). Nama asal baginda ialah Raja Mahmud, telah ditabalkan di Penajis Rembau pada tahun 1773 dengan memakai gelaran nama Raja Melewar sebelum berangkat ke Seri Menanti (Abdul Samad Idris 1987). Sebelum berjaya memerintah, Raja Melewar terpaksa terlebih dahulu berperang dan mengalahkan Raja Khatib yang merupakan seorang Putera Raja Pagarruyung yang diutus untuk membuat persediaan keberangkatan Raja Melewar yang telah mengisyiharkan dirinya sebagai raja terlebih dahulu, setelah berjaya, Raja Melewar telah kekal memerintah di Negeri Sembilan (Abdul Samad Idris 1987).

Kota Raja Melewar Rembau, merupakan tempat utama Raja Melewar yang didudukinya sejak sekian lama. Kota ini telah menyimpan segalanya tentang urusan baginda dan kini keseluruhan tinggalan Raja Melewar disimpan dengan rapi di Muzium Rembau. Raja Melewar meninggal dunia pada tahun 1795 di Istana Raja semasa melawat Luak Rembau, dan dimakamkan di Bukit Serajin bersebelahan dengan makam permaisuri baginda dan setelah itu tempat baginda digantikan oleh menantunya Raja Hitam (Abas Hj Ali 1953).

Berdasarkan kajian sejarah yang dilakukan di sesetengah kawasan di Negeri Sembilan iaitu meliputi kawasan Rembau dan Linggi, ternyata telah berjaya dibuktikan bahawa Raja Melewar merupakan raja yang menguasai kawasan Rembau dan seluruh Negeri Sembilan dahulunya (Norhalim Hj Ibrahim 1998). Namun begitu, tidak semua maklumat tentang kewujudan Kota Raja Melewar ini diketahui seluruhnya, malah dari hasil penyelidikan yang dilakukan oleh Pejabat Daerah Rembau dan Unit Perancang Ekonomi Negeri Sembilan dengan bantuan Kementerian Kebudayaan Kesenian dan Warisan (Rahila Omar & Nelmawarni 2008), kurangnya juga data utama tentang kewujudan lain berkenaan kawasan pemerintahan yang pernah diduduki oleh Raja Melewar. Hal ini kerana terdapat tapak kawasan kota di sekitar Rembau ini yang masih belum dikaji dan dikenal pasti kewujudannya pada suatu ketika dahulu.

Oleh yang demikian, penyelidikan yang akan dilakukan ini tertumpu di sekitar kawasan Rembau, Negeri Sembilan. Berdasarkan pemerhatian awal yang dilakukan oleh pihak Muzium Negeri Sembilan, dinyatakan terdapat sebuah kota lama yang pernah wujud selain dari Istana Raja Melewar di Seri Menanti. Justeru itu, apabila kajian ini diteruskan dengan memfokuskan pada kawasan sekitar Rembau, mungkin dari hasilnya akan diketahui dengan sedikit jelas tentang visual atau gambaran pelan keadaan tapak meliputi lokasi kota ini yang mungkin mempunyai perhubungan dengan institusi beraja yang diketuai oleh Raja Melewar dahulunya.

Di samping itu juga, apabila penyelidikan ini dijalankan, ia mampu mengatasi sedikit kekurangan yang di mana kurangnya pengkajian dan pengetahuan tentang sejarah Kota Melewar ini yang dikatakan wujud di Rembau. Oleh itu, menerusi kajian yang diteruskan ini, dengan memfokuskan kawasan sekitar Rembau, segalanya mungkin akan terjawab tentang perkara yang meliputi sejarah dan perkaitannya dengan Istana Raja Melewar yang ada di Seri Menanti mahupun terhadap Raja Melewar itu sendiri meliputi perjalanan hidupnya di Rembau pada ketika dahulu,

sekali gus maklumat yang diperoleh ini mampu disimpan dan menjadi rujukan bagi kajian masa hadapan berkenaan kota lama ini.

SOROTAN KAJIAN

Di dalam bahagian ini, akan dibincangkan tentang beberapa kajian lepas mengenai kota-kota mahupun istana yang terdapat di Malaysia, khususnya kota-kota Melayu lama. Melalui kajian lepas ini, pengkaji akan menjadikannya sebagai sumber rujukan dalam menghasilkan penulisan berkenaan Kota Raja Melewar ini. Di samping itu juga, melalui kajian lepas ini, pengkaji dapat melihat sejauh manakah maklumat yang ada di dalam simpanan pengkaji-pengkaji yang lainnya berkenaan kota atau istana yang ada di Negeri Sembilan, maka dengan ini dapatlah disimpulkan tentang kebenaran yang menyatakan bahawa kurangnya maklumat ataupun data berkenaan kewujudan kota mahupun istana lama khususnya di dalam kawasan Negeri Sembilan.

Abdul Halim Nasir (1990), merupakan seorang pengkaji kota-kota Melayu lama yang sememangnya banyak menemukan kewujudan kota-kota lama di seluruh Semenanjung Malaysia, hal ini bertepatan dengan kajian-kajian yang dijalankan oleh beliau, menerusi perjalanan dan pemerhatian yang telah di lakukan. Menerusi kajian yang dilakukan oleh Abdul Halim ini boleh merujuk pada penulisannya iaitu “kota-kota Melayu” di mana menerusi catatan ini dinyatakan dengan terperinci melalui setiap negeri yang wujudnya kota-kota Melayu lama ini yang masih belum dikaji, antaranya di dalam kawasan Kedah, iaitu satu kawasan yang bernama Mukim Sok yang berada di dalam Daerah Sik.

Menurutnya, peninggalan kota ini merupakan kota Melayu yang dibina oleh raja-raja Kedah sebelum kedatangan Islam dan kota ini dikenali sebagai Kota Langksasuka. Seterusnya, adalah Kota Aur di Mukim Sik, Kota Bandar di Mukim Siong jajahan Baling dan Kota Bukit Meriam di Kuala Sungai Muda. Selain itu, sewaktu pengembalaan beliau kesan-kesan peninggalan kota-kota ini masih boleh dilihat namun masih tiada sumber yang jelas mengenai pentarikan dan sejarahnya kerana tiada kajian yang dilakukan terhadap kota-kota tersebut (Abdul Halim Nasir 1990).

Di samping itu juga, terdapat kota-kota yang paling tua kewujudannya, namun masih tiada data khusus oleh para pengkaji sejarah. Kota-kota yang dimaksudkan itu adalah Kota Gangga Negara, yang terletak di atas Bukit Segari dan kota ini dikatakan dibina pada awal 1528 Masih (Abdul Halim Nasir 1990). Menerusi cerita-cerita lisan masyarakat setempat, kesan sejarah peninggalannya jelas kelihatan di atas bukit tersebut. Selain itu, terdapat tiga buah kota lagi yang tertua di Perak iaitu Kota Beruas, Kota Kulit Kerang, dan Kota Sultan Muzaffar Syah I. Kota Beruas terletak di Kampung Kota, kesan-kesan kota tersebut telah musnah kerana kawasan tersebut dijadikan kebun getah, begitu juga Kota Kulit Kerang di Pangkalan Baharu tidak dapat dikesan bekasnya. Kota Sultan Muzaffar Syah I (Sultan Perak Pertama 1528-1549) terletak di kampung Teluk Bakong, Perak Tengah. Kesan-kesan kota yang diperbuat daripada tanah itu masih wujud, dan masih boleh dilihat kesan benteng kota tersebut dan yang paling utama adalah di dalam kawasan kota tersebut terdapatnya Makam Sultan Muzaffar Syah I (Abdul Halim Nasir 1990).

Di Pagoh Muar, terdapat sebuah kota yang dibina oleh Sultan Mahmud Syah iaitu ketika baginda bersemayam di situ dan berundur dari Melaka apabila penjajah Portugis menakluki negeri tersebut pada tahun 1511. Kesan kota tersebut sudah terletak di tepi tebing Sungai Pagoh masih kelihatan dengan jelas. Di Muar juga, terdapat Kota Buruk, Kota Bentayan dan Kota Biawak Busuk dan kota-kota ini dikaitkan dengan seorang Raja Melaka yang bernama Parameswara, namun begitu, peninggalan kota-kota ini tidak kelihatan dan masih misteri kewujudannya (Raiha Mohd Saud 1981).

Terdapat juga sebuah kota Melayu lama iaitu Kota Simpang Melaka, letaknya di tepi tebing Sungai Linggi dan juga Sungai Rembau. Selain itu, terdapat sebuah kota di atas Bukit Supai, Kuala Sungai Linggi dikenali sebagai Kota Filipina, kota orang Belanda yang dibina pada tahun 1757 dengan pekerja-pekerjanya terdiri daripada orang Melayu, jadi kota tersebut bukanlah kota kepunyaan orang Melayu (Abdul Halim Nasir 1990). Seterusnya adalah kemungkinan wujudnya sebuah kota yang terletak di atas Bukit Melaka atau yang sekarang ini dikenali sebagai Bukit St. Paul.

Namun begitu, antara kota-kota yang dinyatakan ini hanya kota yang terletak di Bukit Melaka sahaja yang tidak dapat dipastikan lagi sama ada masih wujud atau tidak kesan peninggalannya.

Melalui Raiha Mohd Saud (1981) pula, menerusi bukunya iaitu ‘kota-kota bersejarah di Malaysia’ dengan kerjasama Jabatan Muzium Malaysia, telah menyatakan tentang taburan kota-kota bersejarah yang ada di Semenanjung Malaysia melalui gambaran visual pemetaan kawasan dan penulisan ilmiah turut dikenal pasti tiadanya sumber mahupun petikan penulisan yang menyebut tentang Kota Melewar. Di dalam penulisan ini, telah disenaraikan kota yang ada di setiap negeri, namun begitu dengan keadaan pada masa kini semestinya telah terdapat penemuan terbaru dan kajian baru menerusi kota-kota Melayu lama yang dihasilkan selepas catatan Raiha Mohd Saud ini. Sebagai contoh, kajian Kota Palas yang telah dilakukan oleh Dr. Ibrahim Bakar Langkawi (2019). Kota Palas merupakan penemuan yang berjaya kerana sebelum ini di negeri Perlis, hanya Kota Indera Kayangan sahaja yang diketahui kewujudannya. Oleh yang sedemikian, penemuan dan kajian baru ini pastinya akan menjadi catatan baru dalam bidang kajian kota Melayu lama, akan tetapi sehingga ke hari ini khususnya bagi Negeri Sembilan, Kota Melewar masih lagi tidak boleh dinyatakan sebagai penemuan baru selagi kajian berkenaan tidak dilakukan.

Haji A. Mubin Sheppard (1961), Director of Museums Federation of Malaya di dalam buku yang bertajuk “*Malayan Forts*” merupakan penulisan berkaitan dengan kubu atau kota lama yang ada di sesetengah kawasan yang terpilih. Namun begitu, dari hasil penelitian di dalam buku ini kawasan yang terpilih itu sebenarnya adalah lebih kepada kubu pertahanan. Menerusi kajian kubu pertahanan lama di dalam buku ini telah di bahagikan kepada beberapa hasil dapatan iaitu sejarah kubu, gambaran visual sesetengah daripada bahagian kubu tersebut, dan lakaran pelan kubu. Antara kubu-kubu tersebut adalah Kota Lukut, Kota Kuala Bahang, Kota Batu Johor Lama dan lain-lain lagi.


Tinggalan tapak kota Melayu yang masih ada kesan tapak binaannya telah membuktikan bahawa ada tiga jenis bahan yang digunakan untuk mendirikan sebuah kota iaitu ketul-ketul batu dan batu bata, timbunan tanah dan pancang kayu. Tembok kota yang daripadanya adalah ketul-ketul batu pepejal akan ditutup atau dilepa dengan tanah, oleh itu susunan ketul-ketul batu tidak akan kelihatan. Untuk benteng kota yang dibuat daripada tanah pula ianya akan ditambah dengan ketul-ketul batu dan ini akan kelihatan dengan jelas. Melalui catatan Abdul Halim Nasir (1990) menerusi ‘kota-kota Melayu’ dapat disimpulkan, kota atau kubu orang Melayu yang telah mula dibina sejak kurun ke-7-19 adalah menggunakan pelbagai bahan campuran seperti tanah, ketul-ketul batu, batu-bata, kapur daripada kulit kerang, manisan lebah, putih telur, kayu, dan pokok-pokok yang ditanam, terutama sekali pokok buluh, ranjau-ranjau buluh, dan kayu (Abdul Halim Nasir 1990).

REMBAU

Nama Rembau ini diambil dari nama sejenis pokok yang bernama Merbau, ianya bermula apabila sekumpulan Orang Asli terjumpa sebatang pokok Merbau yang amat besar dan tinggi menjulang di sebuah tempat. Selain itu, Rembau juga dikenali dengan gelaran ‘tanah kerjan’ yang membawa maksud ‘tanah kerajaan’ dan kawasan Rembau ini dikatakan menjadi tempat penghunian penuh pada abad ke- 16 oleh masyarakat dari Minangkabau dengan campuran Orang Asli yang merupakan penduduk asal Rembau. Berdasarkan catatan ‘Sejarah Negeri Sembilan’, Rembau merupakan kawasan pertama yang mempunyai nama dan penghuni sebelum terbentuknya Negeri Sembilan.

Di dalam catatan D’Eredia, Rembau ini dikenali sebagai “Rombo” dan kawasan ini sememangnya sudah menjadi tempat pemerintahan awal pada ketika itu sebelum tertubuhnya Negeri Sembilan (Peta 1). Melalui ini, Rembau pada masa dahulu sememangnya sudah mempunyai raja sebelum datangnya Raja Melewar dan dikatakan Raja Rembau tersebut adalah Raja Alam, akan tetapi berdasarkan penceritaan masyarakat setempat Raja Alam dan Raja Melewar ini dikatakan orang yang sama, jika ini benar maka sememangnya Raja Melewar sudah berada awal di Rembau sebelum beliau dilantik menjadi Raja Negeri Sembilan yang pertama. Selain itu, Rembau dahulunya juga merupakan sebuah jajahan pemerintah orang besar (bendahara) Melaka dengan kawasan Kundur sebagai pentadbiran Sultan Mansur Syah dan luaknya (Abas Hj Ali 1953).

Sebelum orang Minangkabau masuk ke Rembau, penduduk asalnya ialah orang Jakun yang disebut Jakun (Biduanda atau Mantera). Sebelum rombongan pertama dari Minangkabau masuk ke Rembau, ketua pemerintah utamanya ialah Datuk Batin Sekudai (bukan Bendahara Sekudai Johor), Datuk Batin ini mempunyai 3 orang anak perempuan dan hanya yang bongsu sahaja diketahui namanya dengan panggilan Tok Bungkal (Abas Hj. Ali 1953). Abad ke-16, rombongan dari Minangkabau yang diketuai oleh Datuk Lela Balang (suku Paya Bidara) datang ke Rembau lalu membuka sebuah kampung dan dinamakan sebagai Kampung Kota (Abas Hj Ali 1953). Selepas itu, datang lagi satu rombongan yang diketuai adik Datuk Lela Balang yang bernama Datuk Laut Dalam lalu membuka sebuah kampung yang bernama Kampung Padang Lekuk. Akhirnya berturut-turut orang Minangkabau datang ke Rembau dan membuka beberapa buah kampung (Abdul Rahman bin Hj. Muhammed 1964).



Peta lakar d'Eredia (1613) menunjukkan Rembau (Rombo)

Peta 1. Lakaran d'Eredia mengenai (Rombo) pada ketika dahulu

Anak bongsu (perempuan) Datuk Sekudai yang bernama Tok Bungkal, telah dikahwinkan dengan Datuk Lela Balang dan mereka mendapat seorang anak lelaki yang bernama Seri Rama serta empat orang anak perempuan. Keturunan daripada anak perempuan Datuk Lela Balang dengan Tok Bungkal ini kemudiannya menjadi Datuk Undang Rembau yang membawa gelaran Lela Maharaja yang disebut juga Biduanda waris Jakun (Abas Hj Ali 1953).

Secara kesimpulannya, Rembau ini merupakan kawasan utama Orang Asli sebelum datangnya golongan dari Minangkabau dan telah berlakunya perkahwinan di antara mereka, disebabkan ini telah berlakunya juga gabungan adat dan budaya di antara masyarakat Minangkabau dengan Orang Asli Rembau (Abas Hj Ali 1953). Sehingga ke hari ini, masyarakat Rembau mempunyai pertalian yang sangat baik dan erat dengan masyarakat Minangkabau sehingga jika masing-masing mempunyai aktiviti dan sambutan perayaan pastinya di antara mereka akan turut serta sebagai simbolik kepada hubungan kekeluargaan di antara masyarakat Rembau dan orang Minangkabau (Norhalim Hj Ibrahim 1993).

KAJIAN TERKINI KOTA RAJA MELEWAR

Kewujudan kota Raja Melewar ini sebenarnya hanya diketahui segilintir individu sahaja, bahkan masyarakat setempat khususnya golongan muda dan pertengahan sememangnya tidak pernah menyedari akan kewujudan tempat ini (Abdul Samad Idris 1987). Oleh yang demikian, satu eksplorasi awal telah dijalankan oleh beberapa individu yang membabitkan pengarah dan kakitangan Muzium Negeri Sembilan, kakitangan Muzium Rembau, Kurator Galeri Diraja Negeri Sembilan dan beberapa masyarakat setempat turut terlibat. Hasil dari tinjauan awal mereka, mendapati memang wujud tempat ataupun kawasan yang dikatakan tapak Kota Lama Raja Melewar ini yang terletak di belakang kawasan yang dikenali sebagai gelanggang gasing (Gambar 1). Kawasan gelanggang gasing ini berada di tepi jalan yang mana kawasan ini akan ditemui sebelum tibanya ke Muzium Rembau, kini kawasan ini telah menjadi hutan kecil dan terbiar. Eksplorasi yang dijalankan ini adalah dengan merujuk beberapa sumber yang merangkumi sedikit kajian lepas daripada sumber (Norhalim Hj. Ibrahim 1996) dan temu bual yang dijalankan terhadap penduduk kampung di sekitar Rembau.



Gambar 1. (Gelanggang Gasing) di belakang inilah terdapatnya tapak kota

Dari kajian Norhalim Hj. Ibrahim (1994) ini di dalam bahagian kedatangan Raja Melewar ke Rembau, ada dinyatakan beberapa lokasi penting merujuk kepada laluan Raja Melewar di samping maklumat ini turut dipadankan bersama dengan kenyataan masyarakat setempat meliputi cerita orang-orang tua dahulu yang mengetahui dengan jelas tentang sejarah berkaitan Raja Melewar dan sekitar kawasan Rembau ini. Hasilnya, dapat dilihat sewaktu tinjauan awal yang dilakukan oleh pihak yang terlibat, mendapati adanya beberapa peninggalan artifak yang merangkumi seramik dan tembikar, namun begitu, struktur istana tersebut sememangnya telah musnah sama sekali, disebabkan usianya yang begitu lama.


Melalui temu bual yang dijalankan bersama En. Norizan pada 15 Januari 2020, dinyatakan bahawa bahan binaan kota tersebut adalah daripada kayu dan keadaan struktur kota tersebut tidaklah begitu besar, namun begitu, sewaktu pemerhatiannya pada masa lalu, struktur kota ini sebenarnya sudah tidak sempurna akibat daripada kemusnahan yang berlaku, menjadikan kota tersebut sudah tidak kelihatan dengan jelas. Eksplorasi awal yang telah dilakukan ini, hanyalah dapat mengenal pasti kedudukan lokasi dan tapak kota ini di samping terdapat beberapa jumpaan artifak di sekitar kawasan tersebut, yang mana kawasan tapak ini adalah satu kawasan yang berhampiran dengan sungai Rembau. Berdasarkan temu bual oleh En. Khairil pada 22 November 2019, di maklumkan kawasan yang menjadi tapak kota ini dahulunya dipenuhi dengan serpihan seramik dan tembikar, ada diantaranya yang mempunyai ukiran tulisan China, namun begitu setelah kehadirannya pada kali kedua di tapak tersebut, tinggalan artifak ini semakin berkurangan dan beliau

sempat mengambil beberapa tinggalan serpihan seramik dan tembikar untuk diserahkan kepada wakil pihak Muzium Rembau (Gambar 2). Katanya lagi, kawasan ini sememangnya sukar untuk dimasuki disebabkan adanya pantang larang dan salah satu punca utamanya adalah disebabkan kawasan ini termasuk di dalam tanah adat.

Umum mengetahui Kota Raja Melewar didirikan pada abad ke-18 seiring dengan ketibaannya di Rembau, merupakan tempat pertama beliau dalam menjalani pemerintahan awal di Negeri Sembilan. Kota ini dibina setelah pertabalan sebagai raja yang pertama pada tahun 1722, setelah Raja Melewar selesai melakukan persinggahan di beberapa buah tempat untuk memaklumkan bahawa beliau adalah raja di Negeri Sembilan, beliau bersama pengikutnya telah mendarat di Kuala Sungai Pedas Rembau, seterusnya baginda berkenan untuk mendirikan sebuah istana sementara di kawasan tersebut. Namun begitu, akhirnya Raja Melewar telah berubah fikiran dan akhirnya beliau tidak menjadi mendirikan istana di kawasan tersebut atas faktor ketidaksesuaian keadaan sekeliling kawasan berkenaan (Abdul Samad Idris 1968).



Gambar 2. Serpihan seramik dan tembikar yang dijumpai



Peta 2. Bulatan oren tapak Kota Raja Melewar yang berhampiran dengan sungai Rembau

Oleh yang sedemikian, Raja Melewar dan pengikutnya meneruskan kembali perjalanan dan hasil temu bual bersama En. Muhammad pada 20 Februari 2020 dikatakan, perjalanan itu diteruskan sehingalah kapal mereka terlibat dalam kemalangan setelah melanggar batu besar di Bukit Serajin, ini menyebabkan kapal Raja Melewar bocor dan rosak teruk (Gambar 3). Namun begitu, Raja Melewar meneruskan lagi perjalanan semampu yang boleh dan akhirnya mereka terpaksa mendarat di kawasan yang kini digelar sebagai Astana Raja (Peta 2). Hasil dari penelitian temu bual ini, kenyataan ini juga hampir sama dengan catatan (Norhalim Hj. Ibrahim 1994) menerusi penyelidikan beliau dalam “Laluan Raja Melewar”.



Gambar 3. Sebahagian Sungai Rembau kini yang terletak di Astana Raja

Sejurus ketibaan Raja Melewar di kawasan tersebut, Raja Melewar dan pengikutnya telah dikunjungi oleh para pembesar dan ketibaanya di sambut baik oleh Ketua Pembesar Rembau, Ketua Pembesar Sungai Ujong dan lain-lain lagi. Istana tersebut dikatakan bertahan sehingga 3 tahun sahaja sebelum Raja Melewar berpindah tempat di samping meneruskan perjalannya ke Seri Menanti bagi mencapai hala tuju penguasaan penuh beliau terhadap seluruh kawasan Negeri Sembilan (Abdullah Zakaria Ghazali 1992). Kota ini juga merupakan kota yang biasa sahaja dan tidaklah semegah yang disangka seiring dengan tujuan awal pendiriannya iaitu sebagai istana sementara. Namun begitu, kota yang binaannya terdiri daripada kayu ini telah pun runtuh, mungkin disebabkan faktor usia peninggalan yang telah lama berlalu, dan perkara ini ada benarnya seperti mana yang dikatakan oleh En. Norizan. Jika dilihat dari sudut lokasi tersebut ternyata logiknya kawasan itu dijadikan sebagai kawasan pemerintahan atau Istana Raja Melewar kerana kawasan ini berdekatan dengan sungai yang menghubungkan terus dengan Sungai Rembau. Mengapa ini dikatakan logik, boleh dirujuk kembali kepada sejarah pendaratan dan kemasukan Raja Melewar ke Rembau catatan (Norhalim Hj. Ibrahim 1994), yang mana beliau ‘Raja Melewar’ telah menaiki jong atau kapal dari Melaka dan terus masuk ke kawasan Rembau melalui Kuala Pedas (Peta 3).



Peta 3. Laluan kemasukan Raja Melewar dari Melaka

Menurut penceritaan masyarakat setempat, kawasan Astana Raja ini dahulunya merupakan kawasan yang mempunyai sungai yang luas dan besar, maka tidak hairanlah kapal besar ataupun jong boleh masuk dan mendarat di kawasan ini. Jika dibandingkan kawasan yang dahulunya dengan masa kini, ternyata jauh berbeza mungkin atas faktor perubahan geografi di mana Sungai Rembau yang besar dahulu itu kini sudah kecil (Gambar 4). Segala hujahan ini dapat dibuktikan dengan penemuan beberapa artifak di kawasan tersebut, seperti serpihan seramik dan tembikar.



Gambar 4. Sungai Rembau yang dahulunya lebih luas dari sekarang

Melihat kepada beberapa serpihan yang ada dan seperti didakwa mempunyai tulisan China, boleh dikatakan, mungkin para pedagang dahulu pernah memasuki kawasan perairan Sungai Rembau tersebut. Jika dilihat dari laluan Sungai Rembau itu, laluan sungai ini boleh menghubungkan terus dengan Melaka melalui sungai Pedas-Lingga, dan di kawasan Sungai Pedas Linggi itu pula terdapatnya pos-pos cukai bagi mengutip hasil cukai para pedagang yang melalui laluan tersebut yang mana para pedagang yang mengambil laluan tersebut kebanyakannya datang dari Melaka (Norhalim Hj. Ibrahim 1998).

Sungai Rembau yang terhubung terus dengan Sungai Pedas-Lingga semestinya menjadi laluan para pedagang (Norhalim Hj. Ibrahim 1996) dan jika laluan ini di ambil, maka kawasan Rembau pasti disinggahi oleh para pedagang tersebut khususnya di kawasan Astana Raja. Seperti yang dimaklumkan, bahawa kawasan Astana Raja dahulunya merupakan kawasan yang besar dan luas, sebahagian kawasan yang dimaksudkan ini, diketahui juga dari maklumat Muzium Rembau terdapat

satu kawasan di Astana Raja menjadi tempat persinggahan para pedagang yang membuat penukaran laluan di kawasan tersebut malah, perkara ini ada juga dinyatakan secara ringkas di dalam catatan ‘Takhta Kerajaan Negeri Sembilan’ (Abdul Samad Idris 1987), melalui kawasan penukaran laluan yang dikatakan dahulunya kawasan ini adalah sebahagian dari sungai Rembau dan ternyata benar bahawa sungai Rembau suatu ketika dahulu adalah sungai yang begitu luas dan besar (Gambar 5).

Secara rumusan awal, kajian mengenai kota Raja Melewar ini sepertinya hanyalah bergantung pada kajian-kajian lepas dan catatan-catatan dari ‘Abd Halim Nasir’. Oleh yang sedemikian, kajian lanjutan untuk memperbaharui maklumat yang diambil pada ketika dahulu akan dilakukan dengan kerjasama Muzium Negeri Sembilan dan Muzium Rembau yang turut dibantu oleh Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA) UKM, bagi memelihara sejarah berkaitan Raja Melewar ini khusus dalam aspek pemerintahan beraja di Negeri Sembilan dan juga aspek adat budaya Negeri Sembilan iaitu Adat Perpatih.



Gambar 5. Dahulunya sebahagian dari Sungai Rembau dan menjadi tempat untuk penukaran laluan kapal

KESIMPULAN

Keseluruhannya, kewujudan Kota Raja Melewar ini jelas membuktikan kemasukan Raja Melewar khususnya di Rembau pada abad ke-18 (Buyong Adil 1981) adalah berkaitan dengan sistem politik dan Pemerintahan beraja di Negeri Sembilan, di samping memperkasakan sistem Adat Perpatih yang menjadi lambang adat Budaya di Negeri Sembilan. Selain itu, bermulanya dari Rembau ini dapat dilihat bagaimana Raja Melewar telah mengatur beberapa strategi dalam mengukuhkan kuasa pemerintahannya di Seri Menanti termasuk mengukuhkan lagi Adat Perpatih yang menjadi identiti Raja Melewar dan masyarakat Negeri Sembilan (Rosiswandy bin Mohd Salleh 2017), ini jelas dapat dilihat apabila telah berlakunya beberapa perang kecil di antara Raja Melewar dan Raja Khatib

di antara tahun 1723-1728. Di dalam peperangan ini, walaupun Raja Melewar tewas pada pertama kalinya, akan tetapi beliau bangkit untuk mencapai kemenangan dan sekali gus menjadikan beliau sebagai raja yang berkuasa penuh di Negeri Sembilan sehingga Raja Melewar Mangkat di Rembau pada 1795 (Abdul Samad Idris 1987).

PENGHARGAAN

Penyelidikan ini dijalankan dengan menggunakan dana II-2019-003 dan DPP-2018-099. Sehubungan dengan itu, kami mengucapkan setinggi penghargaan kepada Lembaga Muzium Negeri Sembilan dan Universiti Kebangsaan Malaysia di atas dana yang diberikan. Penghargaan juga diberikan kepada Makmal Arkeologi and Arkeometri, Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia sepanjang penyelidikan ini dijalankan.

RUJUKAN

- Abas Hj. Ali. 1953. *Rembau Sejarah Perkembangan Adat dan Istiadatnya*. Rembau: Jabatan Undang dan Perlembagaan Adat Dan Istiadat Melayu Rembau.
- Abdul Rahman bin Hj. Muhammed. 1964. *Dongeng-Dongeng Negeri Sembilan*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Abdul Samad Idris. 1968. *Negeri Sembilan dan Sejarahnya*. Kuala Lumpur: Utusan Melayu Berhad.
- Abdul Samad Idris. 1987. *Takhta Kerajaan Negeri Sembilan*. Kuala Lumpur: Utusan Printcorp Sdn.Bhd.
- Abdul Halim Nasir. 1990. 'Kota-Kota Melayu'. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Abdullah Zakaria Ghazali. 1992. *Gerakan Yamtuan Tunku Antah di Negeri Sembilan, 1875-76*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Buyong Adil. 1981. *Sejarah Negeri Sembilan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Haji A. Mubin Sheppard. 1961. *Malayan Forts*. Kuala Lumpur: Museums Department Federation of Malaya.
- Norhalim Hj. Ibrahim. 1993. *Adat Perpatih: Perbezaan dan Bersamaannya dengan Adat Temenggung*. Shah Alam: Fajar Bakti.
- Norhalim Hj. Ibrahim. 1994. *Ekspedisi Raja Melewar II dari Istana Raja Rembau ke Sri Menanti Kuala Pilah*. Budaya Negeri 14:11-18.
- Norhalim Hj. Ibrahim. 1996. *Lingga: Persejarahan dan Pensejarahan yang sering dilupakan*. Seremban: Persatuan Sejarah Malaysia Negeri Sembilan.
- Norhalim Hj. Ibrahim. 1998. *Sejarah Linggi: Pintu Gerbang Sejarah Pembangunan Negeri Sembilan*. Shah Alam: Fajar Bakti.
- Raiha Mohd. Saud. 1981. *Kota-Kota Bersejarah Di Semenanjung Malaysia*. Kuala Lumpur: United Selangor Press Sdn.Bhd.
- Rahila Omar & Nelmawarni. 2008. Negeri Sembilan: Rantau Minangkabau di Semenanjung Tanah Melayu. *Jurnal pendidikan Sejarah IX* 9(2).
- Rosiswandy Bin Mohd Salleh. 2017. *Sejarah Pengamalan Adat Perpatih di Negeri Sembilan*. Kuala Lumpur: Jabatan Muzium Malaysia.
- W. G. Shellabear. 1995. *Siri Kajian Sastera Fajar Bakti: Sejarah Melayu*. Shah Alam: Fajar Bakti.

TEMU BUAL

- Khairil. 2019. Kota Raja Melewar, Negeri Sembilan. Temu Bual, 22 November.
- Muhammad. 2020. Kota Raja Melewar, Negeri Sembilan. Temu Bual, 22 Februari.
- Norizan. 2020. Kota Raja Melewar, Negeri Sembilan. Temu Bual, 15 Januari.

Mohd Fauzan Zuraidi
Calon Sarjana Persuratan
Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA)
Universiti Kebangsaan Malaysia,
Bangi Selangor
E-mel: mohdfauzanbinzuraidi@gmail.com

Zuliskandar Ramli (Ph.D)
Timbalan Pengarah/Prof. Madya
Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA),
Universiti Kebangsaan Malaysia,
Bangi Selangor
E-mel: ziskandar2109@gmail.com

Shamsuddin Ahmad
Pengarah,
Lembaga Muzium Negeri Sembilan
Jalan Sungai Ujong,
70200 Seremban,
Negeri Sembilan
E-mel: shamsuddinahmad2016@gmail.com

Received : 18 October 2019
Accepted : 29 November 2019
Published : 30 April 2020